

Elak negara berhutang

» PM gariskan empat prinsip urus ekonomi, kewangan

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bharian.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak menggariskan empat aspek yang perlu diberi tumpuan dalam soal pengurusan ekonomi dan kewangan bagi memastikan negara tidak menghadapi krisis kewangan.

“Aspek itu ialah tidak berbelanja lebih daripada pendapatan – dasar asas yang mungkin mudah pada logiknya tapi sukar dari segi praktiknya,” kata Perdana Menteri.

Mesti pada sepanjang masa memperoleh lebih operasi, tidak boleh meminjam semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan.

“Jika kita tak kawal (perbelanjaan), maka itulah antara tanda awal kita hadapi krisis kewangan,” katanya.

Ketiga, mesti memastikan beban hutang dan defisit fiskal negara berada di trajektori yang menurun secara progresif dan keempat perlunya keseimbangan antara asas pen-

INFO B/A 18/7/12 MS 2

Empat prinsip

- ⊙ Tidak berbelanja lebih daripada pendapatan.
- ⊙ Memperoleh lebih operasi, tidak boleh meminjam hanya untuk biayai perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan.
- ⊙ Beban hutang dan defisit fiskal negara berada di trajektori menurun secara progresif.
- ⊙ Keseimbangan antara asas pendapatan negara seharusnya semakin besar dan berkeupayaan memberi insentif serta rangsangan kepada sektor atau subsektor tertentu.

dapatan negara yang seharusnya semakin besar dan berkeupayaan untuk memberi insentif serta rangsangan kepada sektor atau subsektor tertentu yang perlu disokong.

Najib berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas Perbendaharaan Malaysia di sini, semalam.

Bijak imbangi peranan

Sehubungan itu, beliau mahu kakitangan perbendaharaan bijak mengimbangi peranan sebagai pengawal kewangan

dan pemudah cara bagi memastikan jentera kerajaan berjalan lancar tanpa kekangan kewangan.

Perdana Menteri menegaskan, Kementerian Kewangan adalah ikon kerajaan dan mereka yang berkhidmat dengannya bertanggungjawab menjaga segala rahsia serta urusan dalamannya.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata, imbangan yang dimaksudkannya mungkin bermakna dalam satu aspek kerajaan kena kutip cukai lebih dan dalam satu aspek lain, kena beri rangsangan dengan mengurangkan kutipan cukai.

Katanya, apa yang penting, kerajaan akhirnya mencapai dua objektif utamanya, iaitu kadar pertumbuhan negara berada pada tahap yang memuaskan, jika tidak tinggi pun, mesti memuaskan, iaitu lima hingga enam peratus setahun seperti sudah ditetapkan.

Kedua pula, apabila ada kadar pertumbuhan, baru dapat jalankan dasar untuk menegakkan keadilan sosial, memperluas jaringan keselamatan sosial untuk melakukan tindakan afirmatif.

Status negara maju

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai tempoh kurang lapan tahun untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

“Kerajaan sudah menentukan hala tuju jelas, dasar, perancangan dan program yang terperinci untuk mendokong wawasan itu. Namun, negara memerlukan keadaan yang kondusif untuk mencapainya dan ia tertakluk kepada faktor luaran serta domestik,” katanya.